

Headline	Larian amal UUM		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 Apr 2014	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Supplement	Color	Full Color
Page No	V16	ArticleSize	559 cm ²
AdValue	RM 18,853	PR Value	RM 56,559



Larian **amal UUM**

“

PROGRAM BERTUJUAN MENGUTIP DANA BAGI PEMULIHAN DALAM KOMUNITI, CHANGLUN YANG DIHUNI KANAK-KANAK KELAINAN UPAYA”

*Dr Noor Azniza Ishak,
Dekan Pusat Pengajian
Pembangunan
Sosial UUM*



Peserta larian amal memulakan larian.

Headline	Larian amal UUM		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 Apr 2014	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Supplement	Color	Full Color
Page No	V16	ArticleSize	559 cm ²
AdValue	RM 18,853	PR Value	RM 56,559

Oleh Samsudin Oli Mohamed
bhvarsiti@bh.com.my

► Sintok

Mahasiswa Persatuan Kerja Sosial, Pusat Pengajian Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia (UUM) menganjurkan Program Larian Amal Kerja Sosial, baru-baru ini.

Program bersempena dengan Hari Kerja Sosial Sedunia itu disertai lebih 400 peserta terdiri daripada pelajar serta staf pusat pengajian berkenaan dan dimulakan dengan peserta

berdoa agar misi pencarian pesawat MAS MH370 dipermudahkan.

Peserta program, Mohamad Hezri Salim mengetuai bacaan doa sebelum Dekan Pusat Pengajian Pembangunan Sosial UUM, Prof Madya Dr Noor Azniza Ishak melepaskan peserta larian amal.

Dr Noor Azniza berkata, program bertujuan mengutip dana bagi Pusat Pemulihan Dalam Komuniti, Changlun yang dihuni kanak-kanak kelainan upaya untuk membina bangunan baharu pusat itu.

Kumpul dana
Dalam program sehari,

katanya, sebanyak RM2,000 berjaya dikumpulkan yang kemudiannya diserahkan kepada Pusat Pemulihan Dalam Komuniti, Changlun.

"Kepekaan pelajar Pusat Pengajian Pembangunan Sosial UUM terhadap isu semasa menunjukkan mereka mempunyai pengetahuan dan peka dalam perkembangan semasa.

"Saya berasa bangga kerana matlamat program bukan sekadar mengutip dana, sebaliknya pengisiannya memberi kesan yang cukup bernilai dan signifikan kepada pelajar, universiti dan penghuni pusat berkenaan," katanya.

Larian sejauh lima kilometer sekitar UUM itu bermula dari Stadium Pusat Sukan UUM dan menyusuri Pusat Kokurikulum, Dewan Penginapan Pelajar (DPP) Bank Muamalat, Taman Rusa, Padang Golf sebelum berakhir di Kompleks Sukan UUM.

